

170 dipindah

Air Sungai Buloh limpahi tebing



Sampan digunakan penduduk untuk bergerak ke kawasan rumah yang ditenggelami air.

IJOK - Lebih 170 penduduk di Kampung Seri Sentosa, di sini, dipindahkan ke tempat lebih selamat sekitar jam 4.30 pagi semalam, berikutan air naik mendadak mencecah paras dua meter.

Hujan lebat tiga jam itu, menyebabkan air Sungai Buloh melimpah ke penempatan penduduk kira-kira jam 10 malam menjejaskan lebih 50 rumah di sepanjang laluan Puncak Alam-Ijok.

Timbalan Nasir Masjid At Taufiqiah, Ibrahim Abd Samad, berkata, hasil tindakan pantas penduduk bersama polis dan bomba mangsa banjir dipindahkan ke Bilik Gerakan Kampung Seri Sentosa serta Kedai Makan dan Minum Wak Uteh buat sementara waktu.

"Penduduk tiada masalah

dari segi pusat penempatan namun ada yang enggan berpindah biarpun rumah mereka terjejas sebaliknya duduk di kawasan tinggi sementara menunggu air surut.

"Namun, mereka reda dengan musibah banjir ini kerana sememangnya penempatan mereka lebih rendah berbanding kawasan lain," katanya.

Difahamkan, kebajikan mangsa banjir juga mendapat perhatian Pejabat Kerja Menteri Besar Dun Ijok dan Pejabat Kerja Ahli Parlimen Kuala Selangor.

Menurut Ibrahim, kediamannya turut terjejas disebabkan banjir berkenaan, namun memiliki kelebihan kerana mempunyai kemudahan sampah untuk bergerak dan membantu mangsa.

Dalam pada itu, 36 mangsa banjir lain masih ditempatkan di Dewan Orang Ramai Kampung Bukit Hijau dan Kampung Bukit Cherakah sehingga kini, sementara menunggu air surut.

Sementara itu, penduduk, K Murali, 28, berkata, banjir kerap melanda kawasan berkenaan dan tiga kali rumahnya dinaiki air dalam tempoh sebulan.

"Namun, banjir kali ini agak lama dan air naik mendadak lebih satu meter menyebabkan kami sekeluarga berpindah ke kedai cuci kereta tepi jalan.

"Bantuan seperti makanan turut disediakan pihak berkenaan dan saya berharap banjir cepat surut memandangkan banyak rutin harian tergendala," katanya.